

BULETIN

ACIS

eISSN: 2600-8289

Zulkaedah / Zulhijjah 1441 — Julai 2020

BIL: 24 / 2020



Difa' Shail Mempertahankan Diri

Langkah Pemilihan Produk
Makanan Yang Mempunyai
Logo Halal Sahih

Pengaruh Budaya
Hedonisme Ke Atas Remaja
di Malaysia

Adab dan Komitmen
Menuntut
Ilmu

Pembangunan
Bakat Halal
di Malaysia

BULETIN ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Nurul Atikah Binti Poniran
Mohd Hidayat Bin Mahadi
Norlela Kamaluddin
Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
Nursyamimi Zawani Mohd Shoid

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh lapan atau siri keduapuluh tiga yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Difa' Shail Mempertahankan Diri*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ **Difa' Shail Mempertahankan Diri (3)**
- ⇒ **Langkah Pemilihan Produk Makanan Yang Mempunyai Logo Halal Sahih (8)**
- ⇒ **Pengaruh Budaya Hedonisme Ke Atas Remaja di Malaysia (12)**
- ⇒ **Adab dan Komitmen Menuntut Ilmu (16)**
- ⇒ **Pembangunan Bakat Halal Di Malaysia (19)**

HAKCIPTA TERPELIHARA
Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Difa' Shail

Mempertahankan Diri

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Pendahuluan

Mutakhir ini, kita sering dipaparkan dengan pelbagai kes-kes jenayah dan keganasan yang tidak berperikemanusian seperti membuli, meragut, merompak, merogol dan membunuh melalui pelbagai media massa sama ada akhbar, televisyen, radio malah telah menular di laman sesawang seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya. Hal ini, melahirkan rasa bimbang dan khuatir dalam kalangan masyarakat awam khususnya wanita dan kanak-kanak. Kebimbangan yang memungkinkan mereka menjadi salah seorang mangsa jenayah dan keganasan seterusnya.

Apakah yang perlu dilakukan oleh individu atau kelompok tertentu bagi mempertahankan diri apabila mereka berhadapan secara realiti menjadi mangsa jenayah dan keganasan tersebut? Bagaimanakah cara yang sewajarnya untuk mereka ambil sebagai pertahanan diri ketika berlaku saat-saat genting tersebut? Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji cara dan peringkat yang dibenarkan dalam Islam ketika seseorang yang berhadapan dengan situasi jenayah bagi mempertahankan diri dan hukum Islam berhubung isu mempertahankan diri seterusnya aplikasi kaedah usul dan fiqhiyyah berkaitan isu mempertahankan



diri ini.

Definisi Difa' Shail

Difa' shail merupakan dua kalimah iaitu difa' dan al-shail. Difa' bermaksud membalas, melindungi atau mempertahankan (Ibn Manzur 2010). Manakala shail ialah orang yang melakukan kezaliman atau penyerang yang melakukan pencerobohan, kecurian atau rompakan ke atas orang lain untuk menaklukinya atau menguasainya (Ibn Manzur 2010).

Definisi 'shiyal' dari sudut bahasa bermaksud menyerang atau menerkam untuk menguasai (Mustafa Khin et al. 2011). Al-Shail ialah pelaku kezaliman dan mushawwal ialah orang yang dizalimi (Zuhaily 2012).

Difa' Syarie Khas menurut syarak ialah suatu kewajipan ke atas setiap manusia untuk menjaga dirinya atau diri orang lain, maruahnya atau maruah orang lain, hartanya atau harta orang lain daripada setiap pencerobohan yang tidak dibenarkan syarak dengan menggunakan kekuatan pada kebiasaannya untuk mempertahankan daripada pencerobohan. Difa' syarie khas dikenali juga sebagai difa' shail ('Audah 2008).

Dalil Pensyariatan

Terdapat beberapa dalil berkisar tentang hukum As-Shiyal atau pembelaan diri. Antaranya:

1. Al-Quran;

Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 194 yang bermaksud: *Oleh sebab itu barang siapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangan nya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahwa Allah beserta orang-orang yang bertakwa.*

Ayat di atas menjelaskan kepada kita hukum sesuatu serangan. Ayat ini menjelaskan bahawa adalah dibenarkan membala semula sesuatu serangan dengan tindakan yang sama untuk mempertahankan diri, walaupun dengan membunuh. Kebenaran membala serangan atau mempertahankan diri berdasarkan kalimah فاعلدو.

Kalimah ini merupakan fiil amar yang bermaksud wajib menyerang dan mempertahankan diri. Walaubagaimana pun, di awal ayat menyebutkan syarat dengan lafaz fa' dan ditambah dengan kalimah ﷺ

sebagai ukuran. Maka, hukum wajib mempertahankan diri ini diikat dengan syarat persamaan dalam bentuk serangan. Oleh itu, tidak harus seseorang itu mempertahankan diri dengan melakukan serangan lebih berat terhadap penyerang berbanding serangan yang penyerang lakukan terhadap individu terbabit. Contohnya, melukakan tidak harus dibalas dengan membunuh.

Asal sesuatu pencerobohan ke atas manusia sama ada jiwa mahupun harta adalah haram. oleh itu, apabila berlaku juga pencerobohan seseorang ke atas seseorang yang lain, maka harus ke atasnya mempertahankan dirinya daripada pencerobohan (Abd Kadir 2011).

2. As-Sunnah

Berdasarkan Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *sesiapa yang dibunu kerana mempertahankan hartanya, dia adalah syahid. Sesiapa yang dibunu kerana mempertahankan keluarganya, dia adalah syahid. Sesiapa yang dibunu kerana mempertahankan agamanya, dia adalah syahid. Sesiapa yang dibunu kerana mempertahankan nyawanya, dia adalah syahid.* (Riwayat

Abu Daud)

Hadith ini menunjukkan bahawa seseorang itu dikategorikan sebagai syahid apabila dibunuh kerana mempertahankan harta, keluarga, agama dan nyawa. Ini menunjukkan bahawa keharusan mempertahankan harta, keluarga, agama dan nyawa. Walaubagaimanapun, keharusan kepada mempertahankan harta, keluarga, agama dan nyawa bukan bermakna keharusan juga kepada membunuh ketika mempertahankan kesemua nya. Oleh itu, keharusan melakukan serangan balas perlu melihat kepada keutamaan dalam menjaga dharuriyyat al-khams. Maka, tidak harus ke atas seseorang individu itu membunuh penyerang demi mempertahankan harta kerana menjaga nyawa itu perlu lebih untuk diutamakan berbanding menjaga harta. Dan serangan ketika mempertahankan harta, keluarga, agama, dan nyawa perlu bersamaan dengan serangan yang dilakukan oleh penyerang. Maka, tidak harus seseorang membala serangan dengan membunuh sedangkan penyerang hanya melukakan sahaja.

Rukun

Terdapat empat rukun As-Shiyal dan melawan orang yang zalim (As-Shail). Iaitu :

i. Orang yang Melakukan Kezaliman (Al-Shail)

- iaitu orang yang melampaui batas dan zalim, sama ada dia seorang muslim atau kafir, berakal atau gila, baligh atau kanak-kanak, kerabat atau orang lain, manusia atau lainnya. Seseorang tidak dilabelkan sebagai zalim melainkan ia melampaui batas dengan menyakiti orang lain tanpa

sebab yang munasabah (Zuhaily 2012).

ii. Orang yang Membela Diri (Mushawwal)

- iaitu orang yang melawan perlakuan orang yang zalim serta mencegah perbuatan penganiayaan, sama ada orang yang membela diri itu melakukan pembelaan demi jiwa, harga diri, harta atau lainnya (Zuhaily 2012).

iii. Objek Penganiayaan

- iaitu jiwa, harga diri atau harta. Objek tersebut disyaratkan harus sesuatu yang terpelihara. Jiwa meliputi tubuh, anggota tubuh dan fungsinya. Harga diri meliputi perlakuan zina atau pendahuluan menuju zina, sama ada terhadap perempuan atau lelaki. Harta meliputi sesuatu yang dimiliki dan yang boleh untuk dikelola, seperti anjing pemburu dan penjaga (Zuhaily 2012).

iv. Kezaliman

- iaitu sesuatu yang mendorong seseorang berbuat zalim terhadap jiwa, harga diri dan harta. Jika penganiayaan melibatkan ketiga-tiga perkara itu, maka pembelaan yang perlu diutamakan terlebih dahulu adalah terhadap jiwa diikuti harga diri dan kemudian harta, sama ada sedikit ataupun banyak bentuk penganiayaan yang dilakukan (Zuhaily 2012).

Syarat

Syarat mengharuskan tindakan mempertahankan diri ada empat :

- a) Berlaku dalam bentuk serangan, menurut pendapat jumhur
- b) Serangan berlaku dengan sebenar dan akan berlaku pada masa akan datang bukan setakat ancaman semata (Shahbari 1996).
- c) Serangan tidak dapat dielakkan dengan cara lain atau tiada alternatif lain. Jika

ada jalan lain seperti meminta pertolongan orang lain atau pertolongan polis maka ia tidak dikira (Shahbari 1996).

d) Pertahanan dilakukan dengan cara yang sesuai iaitu mengikut keutamaan sebagaimana telah dijelaskan (Shahbari 1996).



Kategori Penyerang

Penyerang dibahagikan kepada beberapa kategori dengan melihat kepada sasaran serangan. Dengan ini penyerang boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

- i) Penyerang terhadap nyawa. Iaitu seseorang yang menceroboh secara tidak benar terhadap orang lain dengan niat membunuh atau mendatangkan kecederaan atau sebagainya kepada fizikal (Mustafa Khin et al. 2011).
- ii) Penyerang terhadap maruah. Iaitu seseorang yang menceroboh seseorang wanita yang bukan isterin-

ya, sama ada yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak, dengan niat untuk mengadakan perzinaan atau mukaddimah zina. Selain kepada wanita, ia turut melibatkan pencerobohan terhadap lelaki (Mustafa Khin et al. 2011).

- iii) Penyerang terhadap harta. Harta ialah setiap sesuatu yang berharga dan bernilai di sisi syarak sama ada dimiliki dengan cara yang disyariatkan atau sekadar dengan menguasainya seperti anjing pemburu, anjing pengawal, baja daripada najis dan sebagainya (Mustafa Khin et al. 2011). Termasuk dalam maksud harta ialah wang dan barang-barang lain yang berharga seperti tanah, rumah atau barang yang bermanfaat sama ada yang suci atau najis (Mustafa Khin et al. 2011).

Hukum

Hukum melakukan serangan adalah haram kerana menceroboh ke atas orang lain (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Walaubagaimanapun, ketika seseorang merasa diancam untuk diserang oleh orang lain, sama ada kepada jiwanya, harta atau keluarganya, maka dia berhak membela diri (Abu Ishaq Ibrahim 2002). Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah al-Baqarah ayat 190 yang bermaksud: ***Janganlah kamu melampaui batas, karena sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.*** Begitu juga melalui Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: ***Setiap muslim ke atas muslim yang lain adalah haram : darahnya, hartanya dan maruahnya.***

Manakala, hukum membala sesuatu serangan dibenarkan oleh syarak. Pada sesetengah keadaan, mangsa diwajibkan untuk membala sesuatu serangan.

Namun, pada sesetengah keadaan yang lain pula, hukum membalas sesuatu serangan hanya diharuskan sahaja (Mustafa Khin et al. 2011).

Kesimpulan

Kesimpulannya, mempertahankan diri ketika menghadapi kezaliman dan serangan adalah sesuatu yang dibenarkan dan disyariatkan dalam Islam. Adapun hukum wajib, harus dan haram mempertahankan diri adalah berbeza mengikut situasi dan bentuk kezaliman dan serangan ke atas individu perseorangan mahupun kelompok masyarakat tertentu. Walaupun Islam men-syariatkan pembunuhan dilakukan bagi mempertahankan diri, tetapi perlu meneliti setiap peringkat dan garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Pembunuhan hanya dibenarkan ketika dalam keadaan darurat yang tidak memungkinkan untuk melakukan perkara yang lebih ringan. Adapun, sekiranya pembunuhan tetap berlaku walhal memadai untuk melakukan yang lebih ringan, maka, tanggungjawab keatasnya dengan sabit kesalahan dan sabit hukuman. Keadaan darurat perlu diteliti dengan penelitian yang terperinci berdasarkan kaedah-kaedah usul dan fiqhiyyah. Justeru, pentingnya sikap ber-hati-hati dan tidak mengikut emosi untuk membunuh pelaku jenayah kerana apabila telah sabit kesalahan dan sabit hukuman, tidak dapat tidak perlu dilaksanakan hukuman sebagaimana Islam. Di peringkat mahkamah juga, untuk mensabitkan suatu kesalahan dan hukuman bukanlah suatu perkara yang mudah, malah perlu meneliti dengan terperinci dan mengkaji dengan kemas dan rapi berdasarkan lunas-lunas hukum Islam agar tidak menjatuhkan hukuman sewenang-wenangnya dan melampaui batas syarak.

Rujukan

- Abd Kadir 'Audah. 2008. *Tasyri' Jina'i Islami Muqarana Bil Kanun Wada'i*. Jil. 1. Arabi: Dar Katib.
- Abd Kadir Ahnawat. 2011. *Dafu Shail Fi Syariah Islamiah: Ahkamuha Wa Syurutuhu*. Majalah Bayan Sepetember: 21.
- Abd Karim Zaidan. 2003. *Al-Wajiz Fi Syarah Qawa'id Fiqhiyyah Fi Syariah Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Abd Karim Zaidan. 2009. *Wajiz Fi Usul Fiqh*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Abd Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2000. *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abu Ishaq Ibrahim Ali. 2002. *Al-Muhazzab*. Jil. 2. Johor: Pem-agaan Jabersa.
- Ahmad Shahbari Salamon. 1996. *Fiqh Dan Perundungan Islam*. Jil. 5. Terj. Syria: Dar El Fikr.
- Aiman Hamzah Abd Hamid Ibrahim. 2012. *Qawa'id Usuliyyah Wa Tatbiqatiha Al-Fiqhiyyah 'Inda Syeikh Islam Ibn Taimiyah: Dirasah Muqaranah*. Kaherah: Dar Yasar.
- Al-Quran. (t.th.).
- Basri Ibrahim. 2009. *Isu-Isu Fiqh Halal & Haram Semasa*. Jil. 2. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- H. A. Djazuli. 2006. *Kaidah-Kaidah Fikih: Kaidah-Kaidah Hukum Islam Dalam Menyelesaikan Masalah-Maslah Yang Praktis*. Jakarta: Kencana.
- Ibnu Rusyd. t.th. *Bidayatul Mujtahid*. Beirut: Darul Fikr.
- Mardhiya Mukhtar. 2004. *Kaedah-Kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi'i*. Terj. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Mausu'ah Fiqhiyyah. 1993. Jil. 28. Dar Safwah.
- Mu'ammal Hamidy, Imron & Umar Fanany. 1994. *Nailul Authar Himpunan Hadis-Hadis Hukum*. Jil. 6. Terj. Kuala Lumpur: Vic-tory Agencie.
- Muhamad Makram Ibn Manzur. 2010. *Lisan arab*. Jil. 11. Beirut: Dar Sadir.
- Muhamad Makram Ibn Manzur. 2010. *Lisan arab*. Jil. 8. Beirut: Dar Sadir.
- Muhamad Mustafa Zuhaily. 2006. *Qawa'id Fiqhiyyah Wa Tat-biqatiha Fi Mazahib Arba'ah*. Jil.1. Damsyik: Dar Fikri.
- Muhammad Mustafa Al-Zuhaily. 2012. *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafi'i*. Jil. 10. Kuala Lumpur: Persekutuan Se-ruan Islam.
- Mustafa Khin, Mustafa Bugha & 'Ali Syaraji. 2011. *Fiqh Man-haji 'Ala Mazhab Imam Syafi'i*. Jil. 3. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Nashr Farid Muhammad Washil & Abdul Aziz Muhammad Az-zam. 2009. *Qawa'id Fiqhiyyah*. Jakarta: AMZAH.
- Razali Nawawi. 2009. *Qawa'id Fiqhiyyah: Prinsip-Prinsip Fiqh Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Paris Sdn.Bhd.
- Zainal Abidin Ibrahim. 1998. *Isybah Nazair 'Ala Mazhab Abi Hanifah Nu'man*. Beirut: Maktabah 'Asriyah.
- Ziad Hamdan Mahmud Sakhin. 2008. *Difa' Syarie Khas (Dafu Shail) Fi Fiqh Islami* (Dirasah Muqaranah Ma'a Qanun Wada'i). Tesis Dr. Fal, University Of Palestin.

Langkah Pemilihan Produk Makanan Yang Mempunyai Logo Halal Sahih

Oleh : Nurul Atikah Binti Poniran
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Pemilihan produk yang mempunyai logo halal merupakan satu perkara penting dalam kalangan masyarakat. Logo ini merupakan satu sistem yang menentukan bahawa sesuatu makanan itu adalah halal. Dari sudut industri, logo halal merupakan satu mekanisme supaya masyarakat atau pun pengguna memilih produk yang dikeluarkan oleh industri sekaligus meningkatkan peratus keuntungan syarikat. Kewujudan logo halal merupakan lambang positif penentuan halal di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun. Namun, pengetahuan segelintir masyarakat dan pengguna masih di tahap rendah, hal ini berlaku kerana terdapat beribu-ribu logo halal namun kita masih tidak mengetahui logo halal tersebut yang diiktiraf ataupun palsu. Oleh itu, artikel ini akan menerangkan maksud halal, Malaysian Standard yang digunakan dan langkah pemilihan produk makanan yang mempunyai pensijilan halal. Oleh itu, artikel ini bertujuan menerangkan cara pemilihan logo halal JAKIM yang sah bagi produk makanan.

Perkataan halal berasal daripada kalimah arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak iaitu al-

-hillu, ertinya rombak, untuk membebaskan, untuk melepaskan, untuk melepas-kan, untuk dihancurkan, dibenarkan, dibebaskan daripada yang haram. Dari segi istilah pula ialah sesuatu yang dibolehkan dan dikerjakan mengikut hukum syarak; tidak dikira berdosa bagi yang melakukannya dan dia tidak akan dikenakan hukuman oleh Allah. Tambahan lagi, mencari yang halal oleh umat Islam adalah fardhu ain dan makanan halal adalah yang disyariatkan oleh Allah Taala. Oleh itu, setiap muslim berkewajipan mencari produk makanan yang mempunyai pensijilan halal yang sah bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan Allah Taala.

Inisiatif kerajaan iaitu mengeluarkan satu sistem yang dikelolakan oleh Jabatan Standard Malaysia bagi memudahkan urusan setiap industri dalam pengelolaan berkaitan makanan halal. Sistem yang dikeluarkan ini merupakan fardhu kifayah bagi memenuhi kewajipan yang disyariatkan oleh Allah Taala. Oleh itu, Kerajaan Malaysia mengambil inisiatif mengeluarkan MS 1500:2009- "Makanan Halal- Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)".

Standard Halal yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Standard Malaysia ini merupakan bimbingan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien).

Objektif pengeluaran piawaian makanan halal adalah sebagai peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan halal di Malaysia. Antara yang telah digazetkan di dalam Malaysian Standard berkaitan makanan halal ialah ialah makanan dan minuman yang dibenarkan hukum syarak dan perlu mengikuti syarat-syarat iaitu tidak mengandungi apa-apa bahan daripada haiwan yang tidak halal atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak. Selain itu, makanan yang tidak mengandungi najis mengikut hukum syarak.

Tambahan lagi, makanan tersebut hendaklah toyyiban iaitu selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak memudaratkan kesihatan. Selain itu, tidak menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak. Selain itu, makanan yang tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia (MS 1500:2009). Makanan yang tidak menepati syarak ialah terdapat najis dari sudut penyediaan, pemrosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan untuk pembuatan dan industri makanan halal. Semua perkara yang digazetkan di dalam Malaysian Standard adalah yang diperakui dan perlu juga merujuk Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 bagi pengeluaran produk makanan halal. Oleh

itu, jika industri dan pengeluar produk makanan telah mengikut peraturan yang ditetapkan maka tiada isu pengeluaran bahan makanan yang tidak halal selagi pihak industri bertanggungjawab di atas semua peraturan.

Konsep Pemakaian Logo Halal JAKIM

Penggunaan logo halal JAKIM merujuk aktiviti memperkenalkan dan menggunakan logo halal JAKIM pada produk makanan dan minuman, barang keperluan, premis makanan serta rumah sembelihan. Pemilihan produk makanan yang mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM/JAIN/MAIN adalah tanggung-jawab umat Islam. Semua produk makanan yang dikeluarkan sesebuah syarikat yang mempunyai pensijilan halal yang sah perlu melabelkan produk dengan logo halal Malaysia yang diiktiraf. Namun, bagi logo halal luar negara boleh digunakan jika logo tersebut mendapat pengesahan atau pengiktirafan oleh JAKIM. Namun, permohonan sijil halal adalah bukan mandatori. Pemilik produk atau premis berhak memohon jika mengikut peraturan yang telah ditetapkan pihak berkuasa, namun tiada akta me-wajibkan permohonan sijil halal bagi mengeluarkan sesuatu produk.

Logo halal yang diiktiraf ialah logo yang didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kebiasaannya logo halal Malaysia akan dicetak pada label/produk makanan atau barang kegunaan harian atau bahan mentah dan perlu dipamerkan di premis yang

mengilangkan atau mengeluarkan produk atau menyediakan perkhidmatan halal



MS1500:2009
1055-08/2004

Antara ciri-ciri logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM ialah mempunyai bintang berbucu lapan di tengah-tengah bulatan. Seterusnya, perkataan Arab ”حلال“di tengah bintang, diikuti tulisan rumi ”HALAL“; bulatan logo tertulis perkataan ”MALAYSIA“ dalam tulisan rumi dan ”ماليزيا“dalam perkataan arab dan dua bintang kecil berbucu lima diletakkan bagi memisahkan tulisan rumi dan perkataan arab tersebut.

Tambahan lagi, pada bungkusan makanan yang mempunyai logo halal yang sah ialah terdapat tulisan Malaysian Standard (MS) seperti kategori produk makanan MS1500:2009 dan nombor rujukan fail (10 digit terakhir). Selain itu, semua peraturan label bungkusan hendaklah dipatuhi jika memohon pensijilan halal. Pensijilan halal dimohon setelah tiga bulan kilang beroperasi dan di Malaysia jika industri perkilangan telah melaksanakan sistem Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MESTI) dengan kaedah yang betul maka permohonan pensijilan halal mudah diluluskan oleh pihak JAKIM/JAIN/MAIN. Selain daripada logo halal JAKIM, di Malaysia terdapat produk makanan yang mempunyai logo halal yang diperakui oleh JAKIM, untuk mengetahui kesahihan logo halal luar negara hendaklah kita melayari laman web JAKIM.

Antara contoh logo halal yang perakui oleh JAKIM ialah yang dikeluarkan oleh badan bertanggungjawab halal Australian Halal Authority & Advisers (AHAA) dan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc (SICHMA) dan lain-lain.

Langkah Pemilihan Produk Makanan yang mempunyai logo Halal JAKIM sahih



Semua umat Islam boleh memilih produk yang mempunyai sijil halal yang sahih. Untuk mengenalpasti sijil halal sahih di logo halal ialah :

Semua label bungkusan hendaklah dicetak secara jelas dan tidak mudah luntur.

Selain itu, label bungkusan hendak mengandungi maklumat mengikut peraturan, akta dan yang berkait dengan piawaian yang diperakui;

Label dan iklan tersebut tidak beranggah dengan syarak

Logo halal tidak digunakan sekali bersama dengan promosi dan lambang produk festival bukan Islam.

Nama produk mestilah tidak menggunakan nama "halal" atau nama yang berkaitan dengan elemen agama atau tuhan

Bahan bungkusan mestilah tidak dibuat dari bahan yang najis

Kesimpulannya, umat Islam perlu memilih produk yang mempunyai logo halal yang sahih seperti mana yang dianjurkan dan telah dilaksanakan oleh JAKIM/JAIN/MAIN. Pemilihan produk adalah atas pilihan masyarakat dan bersifat fardhu ain. Namun tanggungjawab pelaksanaan pensijilan halal adalah fardhu kifayah bagi memenuhi keperluan maqasid syariah hifz addin yang dianjurkan Islam. Oleh itu, diseru masyarakat supaya lebih prihatin terhadap pemilihan produk makanan kerana menjadi darah daging kita serta kegunaan masyarakat setiap masa. Oleh itu, menjadi kewajipan umat Islam mencari yang halalan toyibban seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: "**Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada dibumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu**".

Pengaruh Budaya Hedonisme ke Atas Remaja di Malaysia

Oleh : Mohd Hidayat Bin Mahadi
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)



Hedonisme didefinisikan sebagai prinsip atau pandangan hidup yang hanya menekankan pada kesenangan dan sangat diminati oleh kebanyakan manusia hari ini. Istilah Hedonisme adalah satu istilah yang diambil dari perkataan "hedone" merujuk kepada Bahasa Yunani yang bermaksud "keseronokan".

Islam sangat memandang berat Hedonisme kerana ianya merupakan pemikiran yang cuba untuk menggangu-gugat umat Islam. Sekiranya perkara ini

tidak dikawal, maka ianya akan merosakkan akidah umat Islam itu sendiri. Akidah merupakan perkara yang asas dalam hidup sebagai seorang manusia. Sebagai umat Islam pula, al Quran dan juga as Sunnah merupakan panduan dan juga gaya hidup. Ini kerana matlamat dalam hidup manusia sebagai insan ini tidak lain dan tidak bukan ialah beribadah kepada Allah SWT.

Menurut Prof. Syed Naquib al Attas, kekeliruan masyarakat dalam menyamakan kebahagiaan dan juga keseronokan dalam

berhibur yang mana ianya sinonim dengan Hedonisme merupakan satu kekeliruan. Ini kerana keseronokan dan hiburan yang dimaksudkan itu sebenarnya ialah satu kesengsaraan yang berlaku dalam hati dan juga Nurani seorang manusia. Hedonisme juga disifatkan sebagai satu resapan negative ke dalam masyarakat Islam yang menekankan kepada pegangan falsafah yang mementingkan kebebasan manusia sehingga ke tahap menjadikan hiburan itu sebagai Tuhan.

Budaya yang negatif ini hakikatnya mengajak manusia kepada nilai bebas dan tidak bersandarkan kepada unsur ketuhanan yang menjadi asas kepada penentuan sesuatu nilai. Sesuatu yang dianggap mendatangkan keseronokan dan mengurangkan kesakitan terhadap sesuatu individu itu telah menjadi kayu pengukur utama bagi menentukan sesuatu perbuatan itu baik atau pun sebaliknya. Budaya Hedonisme ini jelas mendatangkan kekacauan dan kekeliruan kepada masyarakat kerana nilai rohaniah telah ditolak untuk mencapai kebahagiaan dunia yang bersifat sementara.

Kesan Hedonisme Kepada Remaja

Hedonisme Barat mempunyai impak yang jelas kepada gaya hidup dan juga sosial para remaja secara khasnya. Antara perkara-perkara yang terkait dengan budaya Hedonisme dalam hidup remaja di Malaysia ialah penggunaan rokok elektronik atau dikenali sebagai vape.

i. Rokok elektronik/ vape

Rokok elektronik atau vape ini adalah

sejenis alat yang berfungsi untuk menggantikan rokok, tetapi ianya tidak mengandungi nikotin sebagaimana rokok biasa. ia menghasilkan kepulan asap yang tebal dari rokok biasa, selain mempunyai perisa yang pelbagai mengikut kehendak perokok, dan mampu untuk dicas dengan menggunakan pengecas apabila baterinya kehabisan kuasa.



Idea asal bagi penciptaan rokok elektronik ini adalah untuk membantu para perokok tegar sebagai satu inisiatif untuk berhenti merokok. Namun, ianya bertukar menjadi satu gaya hidup bagi para remaja. Rokok elektronik ini mempunyai peminat bukan hanya di kalangan remaja, bahkan juga pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah lagi kerana harganya yang murah, berperisa, dan tidak mempunyai nikotin. Apa yang menjadikan ianya sebagai satu isu ialah apabila kesemua perkara ini dijadikan alasan oleh para perokok elektronik untuk mereka terus menghisap rokok elektronik tersebut di khalayak umum tanpa ada rasa bersalah, rasa bertanggungjawab, dan malu. Bahkan mereka merasa bangga apabila menghisap vape yang dikatakan gaya hidup moden, selain menghasilkan kepulan asap tebal daripada rokok biasa. Walaupun ianya tidak mempunyai nikotin, ia sebenarnya mempunyai kesan sampingan lain yang masih belum ditemui

oleh para saintis, selain mengakibatkan ketagihan kepada penghisapnya. Banyak kes yang berkaitan rokok elektronik meletup ketika ia dicas, menunjukkan betapa bahayanya rokok tersebut kepada penghisapnya, seterusnya kepada orang yang berada di sekeliling perokok tersebut.

ii. Fesyen Barat

Golongan belia pada hari ini lebih untuk memilih fesyen ala Barat seperti memakai skirt pendek, berseluar ketat hingga menampakkan bentuk badan, berpakaian jarang, dan tidak menutup aurat. Fesyen Barat tidak menitikberatkan maruah pemakainya, berbeza dengan fesyen tradisional dan mengikut hukum syarak yang penuh dengan kesopanan.

Fesyen bawaan Barat sememangnya lebih menarik dan cantik dari segi pembuatan, corak, warna, dan gaya rekaan. Kesemua perkara tersebut mengikut keinginan dan citarasa remaja pada masa kini. Oleh itu, mereka lebih cenderung untuk menggayakan fesyen pakaian Barat tersebut untuk kelihatan lebih sempurna, menarik, dan memperolehi

keyakinan yang tinggi untuk bergaul dengan orang di sekeliling mereka terutamanya rakan sebaya mereka.

Namun secara tidak sedar, berpakaian sedemikian boleh mengundang kepada berlakunya jenayah seperti kes rogol, cabul, dan juga gangguan seksual. Keadaan ini boleh dilihat dalam media sosial dan media massa hari ini yang acap kali menayangkan artis serta netizen wanita yang berpakaian seksi dan menjolok mata. Situasi ini sebenarnya memberikan peluang kepada golongan penjenayah untuk melakukan jenayah terhadap mangsanya dengan mudah, berikutan segala gambar dan maklumat mudah untuk diperolehi melalui pengeposan gambar-gambar individu di media massa dan media sosial.

iii. LGBT

LGBT adalah akronim yang merujuk secara kelompok kepada golongan Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transeksual. Pada masa kini, banyak isu yang diketengahkan oleh pihak media yang berkaitan dengan isu LGBT. Antaranya ialah transgender yang dikenali sebagai mak nyah atau pondan.



Keadaan ini semakin lama semakin serius berikutan ramai dikalangan generasi muda yang mudah terpengaruh dengan golongan-golongan LGBT ini. Apa yang ditakutkan ialah kebanyakan golongan LGBT pada hari ini adalah mereka yang popular dan menempa nama sebagai artis, insta popular, influencer dan sebagainya. Keadaan ini menjadikan pengikut-pengikut mereka di media sosial merasakan bahawa perbuatan mengubah jantina, gay, dan

homoseksual adalah normal.



Hari ini, LGBT di Malaysia telah bernaung dengan bebasnya di bawah gerakan-gerakan NGO yang tertentu yang diyakini melindungi mereka dan menjamin hak mereka mengikut lunas undang-undang. Tindakan mereka semakin hari semakin mencabar undang-undang Malaysia yang mengutamakan pegangan kepercayaan kepada Tuhan, serta berkelakuan sopan dan menjaga kesusilaan sebagaimana yang disebutkan dalam Rukun Negara.

iv. Penyalahgunaan Dadah

Dadah adalah sejenis bahan yang biasanya digunakan untuk keperluan perubatan dan yang seumpama dengannya. Walaupun ia bertujuan untuk memberikan manfaat yang besar kepada penggunaannya, ia juga boleh memberikan impak yang sangat buruk kepada penyalahgunaannya.

Penyalahgunaan dadah adalah satu jenayah yang dikategorikan sebagai berat di negara Malaysia. Penyalahgunaan dadah di Malaysia merangkumi bahan-bahan seperti alkohol, tembakau, kokain, marijuana, dadah perangsang, dadah pelali dan sebagainya. Kebanyakan golongan yang terlibat dalam jenayah penyalahgunaan dadah di Malaysia adalah mereka yang berusia antara 18 hingga 40 tahun.

Kesan penyalahgunaan dadah ini boleh

mengikatkan kesan yang buruk dan pelbagai. Antara kesan buruk bagi penyalahgunaan dadah ini adalah mencuri, berjudi, merogol, dan membunuhan. Antara faktor yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah ini adalah seperti masalah peribadi, masalah keluarga, masalah kewangan, dan masalah mental. Penyalahgunaan dadah ini akhirnya akan memberikan kesan negatif kepada masyarakat sekeliling. Kadar jenayah akan meningkat, selain masalah juvana dikalangan penjenayah bawah umur juga meningkat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Hedonisme menggariskan keseronokan sebagai asas utama kehidupan. Konsep kebaikan dan kebahagiaan yang dibawa oleh Hedonisme hanya berdasarkan kepada keseronokan duniawi serta penumpuannya kepada kebendaan semata-mata. Pelbagai krisis akhlak dan moral terus menular, merebak dan menjadi wabak dalam masyarakat kita khasnya di kalangan remaja. Golongan remaja yang diperkatakan ini kurang dengan pegangan agama serta jauh terpesong daripada budaya ketimuran yang disanjung tinggi oleh masyarakat sejak berkurni lagi. Pelbagai pihak pula perlu mengambil langkah dengan bekerjasama bagi membendung budaya negatif ini daripada terus menular dan menjadi ikutan bagi generasi akan datang. Sebagai umat Islam, seharusnya kita mengambil apa yang telah diajarkan oleh Nabi SAW melalui kitab al Quran, dan menjadikan hukum syaria itu sebagai satu cara hidup. Bukan dengan mengambil apa yang dibuat, direka dan dicipta oleh manusia semata-mata untuk memenuhi keperluan nafsu sahaja.

Adab dan Komitmen Menuntut Ilmu

Oleh : Norlela Kamaluddin
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Pendahuluan


Adab dan menuntut ilmu tidak boleh dipisahkan seperti penekanan yang dibuat oleh Imam Malik RA: "Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu." Sehubungan itu, ilmu perlu dituntut dengan penuh adab demi meraih keberkatannya hingga pelajar bukan sahaja mendalamai dan menguasai sesuatu disiplin ilmu, bahkan bersifat merendah diri dan tidak sompong. Melalui adab yang dipelihara, akan terserlah kesungguhan dan usaha dalam menuntut ilmu dengan matlamat mendapat keredhaan Allah SWT. Ini menunjukkan adab belajar berperanan membentuk sikap atau komitmen positif pelajar terhadap menuntut ilmu.

Artikel ini akan menerangkan adab menuntut ilmu rumusan berdasarkan enam asas adab anjuran Imam Syafie.

Konsep Ilmu dan Akhlak

Ilmu amat penting dalam Islam kerana dengan ilmu manusia dapat mengenal Penciptanya dan melaksanakan tanggung-jawabnya sebagai khalifah dengan betul. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud: "Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? "Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran". Allah SWT juga memberi

jaminan akan mengangkat darjat orang yang berilmu seperti maksud firmanNya: "*Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat.*" (al-Mujadalah: 11). Lantaran itu, Islam mewajibkan ke atas setiap individu untuk menuntut ilmu seperti maksud sabda Rasulullah SAW: "*Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap Muslim.*" (HR. Ibn Majah).



Manakala akhlak pula adalah sebahagian daripada ajaran Islam, malahan ia adalah antara tujuan perutusan Rasullah SAW seperti maksud sabda Rasulullah SAW: "*Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak*

mulia." (HR. Baihaqi). Ini menjelaskan bahawa setiap aktiviti manusia mempunyai nilai akhlak yang mesti dilaksanakan bagi melahirkan hasil sesuatu aktiviti yang cantik luar dan dalam.

Enam Asas Adab Belajar Menurut Imam Syafie

ذكاء

- Kecerdasan
- Kuasa kognitif dan intelektual iaitu menggunakan meta kognisi dengan niat menuntut ilmu atau bahasa Arab kerana Allah Taala serta memastikan kuasa intelektual digunakan mengikut aturan syariat

جُرْصٌ

- Bersemangat
- Keterujaan dan keazaman iaitu melaksanakan segala bentuk usaha agar ilmu diperoleh atau bahasa dikuasai

اجْتِهَادٌ

- Kesungguhan
- Kegigihan iaitu usaha mencari faktor dalaman dan luaran yang boleh membantu penguasaan ilmu

دِرْحَمٌ

- Harta
- Kemampuan iaitu merujuk kepada kemampuan pelajar dalam usaha untuk mencapai ilmu

صُحْبَةُ أُسْتَاذٍ

- Bergaul dengan guru
- Bimbingan pendidik, guru atau ibu bapa iaitu tidak meletakkan bahawa ilmu yang diperoleh adalah hak mutlak seseorang

طُولُ زَمَانٍ

- Waktu yang panjang
- Sepanjang masa iaitu berterusan mengaplikasi ilmu dan bahasa serta menjauhi diri daripada perkara yang sia-sia

Dimensi Adab Belajar	Elemen Adab Belajar
Adab Terhadap Ilmu	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak memandang rendah sesbuah ilmu terpuji ➤ Tidak bosan dengan ilmu ➤ Mencatat nota ➤ Mengamalkan ilmu ➤ Berkongsi ilmu ➤ Menghormati bahan pembelajaran (buku, nota dll) ➤ Jujur dengan hasil kerja
Adab Terhadap Guru	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menghormati guru ➤ Memanggil dengan sebutan/gelaran yang baik ➤ Berhujah dengan hikmah
Adab Dalam Majlis Ilmu	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Melapangkan tempat duduk ➤ Mengucap salam dan duduk di tempat yang disediakan ➤ Tidak duduk di antara dua orang yang saling berdekatan ➤ Mencari tempat duduk yang terdepan

Dimensi Komitmen Belajar	Elemen Komitmen Belajar
Nota Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Memberi perhatian ➤ Mendengar ➤ Mencatat
Latihan dan Diskusi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Semua latihan dan diskusi adalah penting ➤ Melibatkan diri dalam semua aktiviti ➤ Latihan dan diskusi tambahan
Peruntukan Masa	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kehadiran adalah penting ➤ Menepati waktu ➤ Waktu bimbingan dengan guru ➤ Mengulangkaji pelajaran
Pelbagai Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Buku teks ➤ Rujukan utama ➤ Rujukan tambahan

Rumusan

Adab adalah hiasan sesuatu aktiviti yang tanpanya akan menjadikan matlamat aktiviti tersebut. Dalam konteks menuntut ilmu, ikhlas adalah adab utama kerana dengannya kita boleh memperolehi keredhaan, keberkatan dan rahmat Allah SWT. Seterusnya, diikuti dengan beradab dengan guru kerana mereka merupakan sumber rujukan dan sumber penerangan mengenai sesuatu disiplin ilmu. Matlamat menuntut ilmu berkait rapat dengan adab belajar kerana ia dapat meningkatkan komitmen individu dalam menuntut ilmu.

Pembangunan Bakat Halal di Malaysia

Oleh : Nursyamimi Zawani Mohd Shoid

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Seiring dengan kepesatan perkembangan ekonomi di Malaysia, industri halal dilihat bakal menjadi salah satu sektor penyumbang utama bukan sahaja terhadap ekonomi tempatan bahkan di peringkat global juga. Berdasarkan data yang dikongsikan oleh Halal Industry Development Corporation (HDC), nilai pasaran industri halal di Malaysia dijangkakan bakal mencapai sehingga US\$ 147.4 bilion iaitu nilai anggaran bersamaan RM 614.36 bilion pada tahun 2025. Sehubungan dengan itu, industri produk dan perkhidmatan halal ini sebenarnya secara tidak langsung telah membuka pelbagai peluang kerjaya baru. Justeru, selain daripada menambahbaik produk dan perkhidmatan halal yang ditawarkan, industri halal sangat bergantung kepada institusi pendidikan dalam aspek peningkatan kualiti dan kemahiran bakat halal bagi memastikan kejayaan sektor ini pada masa akan datang.

Bersangkutan dengan situasi ini, institusi pendidikan tinggi awam dan juga swasta (IPTA/IPTS) di Malaysia turut tidak ketinggalan melibatkan diri mereka dalam usaha pembangunan industri halal. Hal ini jelas dapat dilihat melalui penawaran kursus-kursus halal mulai dari peringkat diploma sehingga ke doktor falsafah yang secara umumnya bertujuan untuk melahirkan bakat halal yang kompeten sesuai dengan keperluan semasa industri ini. Sehingga kini, rekod telah menunjukkan sebanyak 15 IPTA/IPTS menawarkan kursus halal di institusi mereka. Sebagai contoh terdekatnya, Universiti Teknologi

MARA (UiTM) sendiri telah menawarkan kursus Diploma Pengurusan Halal serta Sarjana Muda dan Sarjana dalam Pengurusan Industri Halal sejak lebih setengah dekad yang lalu.



Pada masa yang sama, bagi menyeimbangi pasaran bakat halal yang kian bertambah hari demi hari, pihak industri sewajarnya menyokong usaha murni institusi pendidikan yang terlibat ini. Antara perkara yang boleh dilaksanakan adalah dengan memastikan wujudnya jaringan hubungan yang baik dan berterusan antara institusi pendidikan dan juga pihak industri. Hal ini boleh dicapai dari aspek kesediaan pihak industri menyelia dan memberikan khidmat nasihat bagi penambahbaikan kurikulum yang telah dibangunkan oleh institusi pendidikan terbabit. Selain itu, pihak industri juga seharusnya menyediakan peluang menjalani latihan praktikal bagi bakat-bakat halal ini supaya mereka boleh mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari secara terus ke dalam dunia industri halal yang sebenar. Dalam pada itu, sejajar dengan penetapan terkini yang bakal dimuatkan dalam Manual Prosedur

Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang baharu, setiap syarikat atau perusahaan yang memohon pensijilan halal Malaysia wajib untuk mengambil sekurang-kurangnya seorang eksekutif halal sebagai pekerja tetap yang menjaga khusus berkaitan hal ehwal halal syarikat terbabit. Penetapan ini dilihat sangat membantu mewujudkan peluang kerjaya yang lebih baik bagi bakat-bakat halal ini sekaligus memastikan bidang ini tidak tepu dengan sumber manusia yang gagal dimanfaatkan secara optimum.

Jika dilihat dari sudut yang lain pula, sokongan pihak kerajaan sama ada terhadap bakat halal ataupun industri halal amatlah memberangsangkan. Misalnya, Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu salah satu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, telah diminta untuk menjalankan satu analisis pekerjaan ke atas sektor industri halal untuk menilai dan memposisikan tenaga kerja mahir yang diperlukan dalam sektor ini. Dengan berbuat demikian, salah satu perancangan pada masa akan datang yang dicadang ialah mengeksport lebih ramai lagi tenaga mahir halal negara ini ke luar negara bagi berkongsi dan memanfaatkan kepakaran mereka sesuai dengan permintaan tinggi pihak luar. Sementara itu, pihak kerajaan juga melalui agensinya yang lain iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melantik 32 buah badan penyedia latihan halal yang dikenali sebagai Halal Profesional Board (HPB) yang berfokus khusus dalam menjalankan latihan secara berterusan untuk melahirkan eksekutif halal dan pengaudit dalaman halal yang diiktiraf, kompeten dan mampu berdaya saing di pasaran sektor ini.

Sebagai penghias bicara akhir,

pembangunan bakat halal di Malaysia tidak akan mencapai tahapnya yang tersendiri sekiranya tidak mendapat kerjasama jitu sama ada daripada institusi pendidikan, pihak industri serta sokongan penuh kerajaan. Sepertimana yang telah dinukilkan di atas, kita semestinya tidak mahu bakat-bakat halal ini tidak lagi relevan di pasaran industri kerana tidak dioptimumkan kepakarannya sekaligus hanya sekadar menjadi projek gajah putih sahaja yang tidak dihiraukan lagi pada masa akan datang.

Rujukan

1. Halal Industry Development Corporation. (2019). Global halal market. Selangor, Malaysia: Akmal Al Amini Jamalludin Al Amini.
2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2019). Draf Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM). Putrajaya: Malaysia. Government Printing Office.
3. Jabatan Pembangunan Kemahiran (2009). Occupational Structure Halal Industry. Putrajaya: Malaysia. Government Printing Office.
4. Statista, Inc. (2019). Global halal market – Statistics & facts. New York, U.S: M. Shahbandeh.
5. Zalina Zakaria. (2020). Halal talent development: Export our experts. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

